

NUCOG

Neuropsychiatry Unit Cognitive Examination

Nama:

Tahap pembelajaran:

Tarikh ujian:

A. TUMPUAN	Pemarkahan
Arahan <p>Perkenalkan diri anda dengan nama anda, jelaskan tujuan dan jangkamasa yang mungkin diperlukan untuk penilaian ini. Sekiranya pesakit telah mengetahui nama anda, beritahu dia nama salah seorang rakan sekerja dan suruhnya mengingati nama tersebut.</p> <p>"Cuba ingat nama saya kerana saya akan tanya anda nanti."</p>	
A-1 Orientasi pada masa dan tempat <p>Uji orientasi dengan bertanya soalan-soalan berikut.</p> <p>a. "Apakah waktu sekarang?" dalam lingkungan tidak melebihi 2 Jam b. "Hari ini hari apa?" c. "Bulan ini bulan apa?" d. "Anda berada di mana sekarang?" Hospital/klinik e. "Apa bandar yang kita berada sekarang?"</p>	<input type="checkbox"/> Masa <input type="checkbox"/> Hari <input type="checkbox"/> Hari bulan <input type="checkbox"/> Tempat <input type="checkbox"/> Bandar — /5
<p>PEMARKAHAN: 1 markah untuk setiap jawapan yang betul. Markah penuh adalah 5.</p>	
A-2 Digit span ke hadapan dan terbalik <p>"Saya akan sebutkan sekumpulan nombor kepada anda dan saya ingin anda sebutkan kembali nombor-nombor itu kepada saya."</p> <p>Mulakan dengan 2 digit. Setiap digit perlu disebul selang 1 saat dan setiap susunan nombor hanya akan disebut sekali sahaja. Subjek akan diberi markah mengikut susunan nombor paling banyak yang dapat diulangl dengan betul.</p> <p>Untuk susunan nombor terbalik, kata:</p> <p>"Sekarang, saya akan memberi anda sekumpulan nombor tagl dan saya mahu anda ulangl nombor-nombor itu secara terbalik."</p> <p>Guna susunan nombor yang sama, bermula dengan 2 angka.</p> <p>Markah : 0 1 2 3 4 markah Ke depan : ≤ 3 4 5 6 7 angka Terbalik : ≤ 2 3 4 5 ≥ 6 angka</p>	Ke depan: <input type="checkbox"/> 6-2 <input type="checkbox"/> 3-9-4 <input type="checkbox"/> 4-1-9-3 <input type="checkbox"/> 6-2-4-0-1 <input type="checkbox"/> 9-1-3-5-8-2 <input type="checkbox"/> 3-9-0-1-1-4-8 — /4
	Terbalik: <input type="checkbox"/> 6-2 <input type="checkbox"/> 3-9-4 <input type="checkbox"/> 4-1-9-3 <input type="checkbox"/> 6-2-4-0-1 <input type="checkbox"/> 9-1-3-5-8-2 <input type="checkbox"/> 3-9-0-1-1-4-8 — /4

<p>A-3 Hari-hari dalam seminggu mengikut susunan terbalik</p> <p>"Sila sebutkan hari-hari dalam seminggu mengikut susunan terbalik, bermula dengan hari yang terakhir dalam seminggu."</p> <p>PEMARKAHAN: 1 markah untuk setiap jawapan betul. Markah maksimum ialah 7. Subjek boleh bermula sama ada dari Ahad atau Sabtu sebagai hari terakhir dalam seminggu.</p>	<input type="checkbox"/> Ahad <input type="checkbox"/> Sabtu <input type="checkbox"/> Jumaat <input type="checkbox"/> Khamis <input type="checkbox"/> Rabu <input type="checkbox"/> Selasa <input type="checkbox"/> Isnin
<u> </u> /7	<u> </u> /20

<p>B. VISUOKONSTRUKSI</p> <p>B-1 Penghasilan semula lukisan</p> <p>Letakkan "Kertas Penyelesaian Subjek" di depan subjek, tunjukkan pada B-1 dan kata:</p> <p>"Sila salin keempat-empat lukisan ini di ruang bawah."</p> <p>Selepas subjek telah mencuba menyalin gambar-gambar itu, kata:</p> <p>"Sekarang lihat keempat-empat gambar ini dan saya akan meminta anda untuk mengingatinya selepas ini."</p> <p>PEMARKAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 markah untuk setiap penghasilan semula lukisan yang betul dan lengkap • $\frac{1}{2}$ markah untuk 2 atau kurang kesalahan dari segi pembinaannya • 0 markah untuk lebih daripada 2 kesalahan (contohnya bentuk secara keseluruhan, penjurusan atau bilangan sisi) • Markah penuh adalah 4 	<input type="checkbox"/> Quad <input type="checkbox"/> Salib <input type="checkbox"/> Kubus <input type="checkbox"/> Segi empat bersilang
<u> </u> /4	<u> </u> /4

<p>B-3 Orientasi kiri/kanan</p> <p>Minta subjek untuk melakukan 4 arahan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • "Tunjuk saya tangan kanan anda." • "Sentuh telinga kanan dengan tangan kiri anda." • "Tunjukkan di mana bahu kanan saya." • Pemeriksa bersilang lengan sekarang. "Tunjuk di mana tangan kiri saya dengan menggunakan tangan kanan anda." <p>PEMARGAHAN: 1 markah untuk setiap perbuatan yang betul. Markah penuh ialah 4.</p>	<input type="checkbox"/> Tangan kanan <input type="checkbox"/> Telinga kanan dengan tangan kiri <input type="checkbox"/> Bahu kanan <input type="checkbox"/> Tangan kiri dengan tangan kanan <u>_</u> /4
<p>B-4 Pengabaian</p> <p>Pastikan subjek mempunyai sensasi pada kedua-dua belah tangan.</p> <p>(a) "Tutup kedua-dua mata anda."</p> <p style="margin-left: 40px;">Sentuh tangan kiri pesakit. "Sebelah mana yang saya sentuh?" Sentuh tangan kanan pesakit. "Sebelah mana yang saya sentuh?"</p> <p>PEMARGAHAN: $\frac{1}{2}$ markah untuk setiap perbuatan yang betul. Markah penuh ialah 1.</p>	<input type="checkbox"/> Kiri <input type="checkbox"/> Kanan <u>_</u> /1
<p>(b) Kemudian sentuh kedua-dua tangan pada masa yang sama, dan tanya:</p> <p style="margin-left: 40px;">"Sebelah mana yang saya sentuh tadi?"</p> <p>PEMARGAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 markah jika subjek menjawab "Kedua-dua." • $\frac{1}{2}$ markah jika subjek mengenalpasti sebelah sahaja • Tiada markah jika subjek tidak dapat mengesahkan sentuhan. <p>(c) Letakkan "Kertas Penyelesaian Subjek" di depan subjek, tunjukkan pada B-4 dan berikan arahan:</p> <p style="margin-left: 40px;">"Ini adalah muka sebuah jam. Bolehkah anda isikan nombor-nombor di dalamnya?"</p> <p style="margin-left: 40px;">"Sila lukis jarum-jarum jam yang menunjukkan waktu 3.45."</p>	<input type="checkbox"/> Kedua-dua <u>_</u> /1
<p>PEMARGAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 markah untuk nombor-nombor diletakkan dengan betul pada jam • 1 markah untuk perletakan jarum yang betul • Markah penuh adalah 2 	<input type="checkbox"/> Nombor jam <input type="checkbox"/> Waktu 3.45 <u>_</u> /2

<p>B-5 Pengiraan</p> <p>Minta subjek menjawab soalan-soalan berikut dengan betul:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 14 campur 7 dapat berapa? • 9 kali 4 dapat berapa? • Kalau sehelai baju yang berharga \$60 dijual pada diskaun 10 peratus, berapa banyak anda perlu bayar • "Anda mempunyal 2 rak buku yang sekali gusnya boleh simpan 18 buah buku. Rak bawah boleh simpan dua kali ganda jumlah buah buku berbanding dengan rak atas. Berapa banyak buku terdapat pada setiap rak?" <p>PEMARKAHAN: 1 markah untuk setiap jawapan yang betul. Markah penuh ialah 4.</p>	<input type="checkbox"/> $14+7=21$ <input type="checkbox"/> $9 \times 4 = 36$ <input type="checkbox"/> \$54 <input type="checkbox"/> 6 di atas, 12 di bawah
JUMLAH MARKAH VISUOKONSTRUKSI:	___ /20

<p>C. INGATAN</p> <p>C-1 Ingatan Verbal</p> <p>"Sila ulangi ketiga-tiga item ini." Baca dengan selang 1 saat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Helang • Gitar • Biru <p>PEMARKAHAN: 1 markah untuk setiap item diulangi dengan betul. Markah penuh ialah 3.</p> <p>"Selepas beberapa minit anda akan diminta ingat balik item-item tersebut."</p> <p>Beri masa yang mencukupi untuk mengingati ingatan kekal. Teruskan dahulu dengan ujian C-2 dan C-3.</p>		Ulang: <input type="checkbox"/> Helang <input type="checkbox"/> Gitar <input type="checkbox"/> Biru
<p>C-2 Ingatan Spatial</p> <p>Letakkan "Kertas Penyelesaian Subjek" di depan subjek, tunjukkan pada C-3 dan kata:</p> <p>"Sila lukis balik keempat-empat lukisan yang saya suruh anda satin sebelum ini."</p> <p>Tidak dibenarkan untuk melihat lukisan asal.</p> <p>PEMARKAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 markah untuk setiap penghasilan semula lukisan yang betul dan lengkap • 1 markah untuk 2 atau kurang kesalahan dari segi pembinaannya • 0 markah untuk lebih daripada 2 kesalahan (contohnya bentuk secara keseluruhan, penjurusan atau bilangan sisi) atau lukisan yang dihasilkan tidak menyerupai lukisan asal • Markah penuh adalah 8 	<input type="checkbox"/> Quad <input type="checkbox"/> Salib <input type="checkbox"/> Kubus <input type="checkbox"/> Segi empat bersilang	___ /8

<p>C-3 Ingatan Remote</p> <p>Tanya soalan-soalan berikut:</p> <p>(a) Bilakah tarikh lahir anda? (b) Dimanakah anda tinggal? (c) Siapakah ketua negara kita? (d) Sila beritahu saya apakah berita yang terkini? Contohnya politik, perang, bencana, sukan, selebriti. Minta subjek memberikan maklumat lanjut mengenainya. (e) Siapa nama saya? (Atau nama yang saya minta anda ingat sebentar tadi?)</p> <p>PEMARGAHAN: 1 markah untuk setiap jawapan yang betul. 1 markah tambahan untuk (d) sekiranya maklumat lanjut diberikan. Markah penuh ialah 6.</p>	<input type="checkbox"/> Tarikh lahir <input type="checkbox"/> Alamat <input type="checkbox"/> Ketua negara <input type="checkbox"/> Berita <input type="checkbox"/> Maklumat berita <input type="checkbox"/> Nama pemeriksa <p style="text-align: right;"><u>_ /6</u></p>
<p>C-4 Ingat Balik Perkataan</p> <p>Tanya subjek:</p> <p>"Bolehkah anda ulangi ketiga-tiga item yang saya beritahu anda sebentar tadi?"</p> <p>Kalau salah satu perkataan tidak dapat diingat, pemeriksa boleh memberi petunjuk.</p> <p>"Salah satu daripada mereka adalah sejenis haiwan." "Salah satu daripada mereka adalah sejenis alat muzik." "Salah satu daripada mereka adalah sejenis warna."</p> <p>PEMARGAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 markah untuk setiap item diingat dengan betul. • $\frac{1}{2}$ markah untuk jawapan yang betul setelah diberi petunjuk. • Markah penuh ialah 3 	<p>Ingatan:</p> <input type="checkbox"/> Helang <input type="checkbox"/> Gitar <input type="checkbox"/> Biru <p style="text-align: right;"><u>_ /3</u></p>
JUMLAH MARKAH INGATAN:	<u>_ /20</u>

<p>D. FUNGSI EKSEKUTIF</p> <p>D-1 Sequencing</p> <p>Dengan setiap tangan, suruh subjek tiru gerakan 3 langkah yang dibuat dengan tangan anda, dan kata:</p> <p>"Sila tiru gerakan tangan ini." Tunjukkan: tangan dalam gengaman; tepi tangan ke bawah dengan jari dilanjutkan; tangan rata.</p> <p>Tunjuk dengan setiap tangan dahulu, kemudian suruh pesakit cuba tunjuk sekali dengan setiap tangan sebelum memulakan ujian.</p> <p>"Sekarang ulangi sebanyak 5 kali dengan tangan kiri/kanan." (dengan setiap satu tangan)</p> <p>PEMARGAHAN</p> <table> <tbody> <tr> <td>Bilangan kesilapan</td> <td>Tiada</td> <td>1 – 2</td> <td>3 – 5</td> </tr> <tr> <td>Tangan kanan</td> <td>2</td> <td>1</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>Tangan kiri</td> <td>2</td> <td>1</td> <td>0</td> </tr> </tbody> </table> <p>Markah penuh adalah 4</p>	Bilangan kesilapan	Tiada	1 – 2	3 – 5	Tangan kanan	2	1	0	Tangan kiri	2	1	0	<u>_ /4</u>
Bilangan kesilapan	Tiada	1 – 2	3 – 5										
Tangan kanan	2	1	0										
Tangan kiri	2	1	0										

D-2 Kelancaran Kategori

"Senaraikan seberapa banyak nama haiwan yang anda ingat dalam masa satu minit."

PEMARKAHAN: Bahagikan jumlah haiwan yang disebut kepada 2. Setengah markah dibenarkan sekiranya jumlah yang disebut adalah nombor ganjil. Markah penuh adalah 10.

	Jumlah haiwan: _____
--	----------------------

____ / 10

D-3 Abstraksi

Bacakan 2 objek kepada subjek, kemudian kata: "**Terdapat persamaan di antara dua objek ini. Apakah persamaan mereka?**"

Nanas dan oren	Buah Makanan, hasil tanah, boleh dimakan Beri perbezaan bukan persamaan	1 $\frac{1}{2}$ 0
Meja dan kerusi	Perabut Dibuat daripada kayu, ada kaki Beri perbezaan bukan persamaan	1 $\frac{1}{2}$ 0
Lukisan dan puisi	Hasil kesenian Dihasilkan, tunjukkan sesuatu, dihasilkan oleh seseorang Beri perbezaan bukan persamaan	1 $\frac{1}{2}$ 0
Petrol dan arang batu	Sumber tenaga Dari bumi, perlu bayar untuk mendapatkannya Beri perbezaan bukan persamaan	1 $\frac{1}{2}$ 0

____ / 4

D-4 Interferensi

Minta subjek letakkan salah satu tangan di atas permukaan rata (contohnya meja), dan kata:

"Sila ketuk sekali bila saya ketuk dua kali, dan ketuk dua kali bila saya ketuk sekali."

Sebelum memulakan ujian, cuba dengan subjek supaya subjek memahami ujian tersebut.

- 1
- 1
- 2
- 1
- 2
- 2
- 1
- 2
- 1
- 2

"Sekarang saya melakukan satu turutan ketukan, dan saya hendak anda bertindak mengikut peraturan-peraturan yang saya sebutkan tadi."

Ketuk mengikut turutan ini: **1-1-2-1-2-2-1-2-1-2**

PEMARKAHAN:

Bilangan kesalahan	0	1 – 2	≥ 3
Markah	2	1	0

Markah penuh adalah 2

____ / 2

JUMLAH MARKAH EKSEKUTIF:

____ / 20

E. BAHASA	
E-1 Pemahaman	
Beri arahan seperti berikut: "Ambil pen ini dengan tangan kiri anda, tunjuk pada tingkap/lantai, kemudian letak di atas meja." PEMARAKAHAN: 1 markah untuk setiap langkah yang dilakukan dengan betul. Markah penuh adalah 3.	<input type="checkbox"/> Ambil dengan tangan kiri <input type="checkbox"/> Tunjuk pada tingkap/lantai <input type="checkbox"/> Letak di atas meja <input type="checkbox"/> Harimau <u> </u>/4
Tanya soalan ini: "Seekor singa dibaham oleh harimau. Yang mana satu masih hidup?" PEMARAKAHAN: 1 markah sekiranya betul.	
E-2 Pengulangan	
" Sila ulangi perkataan atau frasa ini."	<input type="checkbox"/> Usaha <input type="checkbox"/> Mahasiswa <input type="checkbox"/> Perpustakaan <input type="checkbox"/> Ambulans... <input type="checkbox"/> Tidak mungkin... <u> </u>/5
Markah hanya diberi kalau subjek dapat mengulangi ayat dengan lengkap sepertimana yang dibacakan kepadanya. (a) Usaha (b) Mahasiswa (c) Perpustakaan (d) Ambulans sampal dan ambilkan pesakit (e) Tidak mungkin dan cukup mustahil PEMARAKAHAN: 1 markah untuk perkataan atau frasa yang disebut dengan betul. Markah penuh adalah 5.	
E-3 Penamaan	<input type="checkbox"/> Baju <input type="checkbox"/> Warna <input type="checkbox"/> Tapak kasut <input type="checkbox"/> kolar/tali pinggang <input type="checkbox"/> Jari <u> </u>/5
Suruh subjek namakan dengan betul item yang ditunjukkan oleh pemeriksa: (a) " Ini dipanggil apa?" (baju) (b) " Apakah warna ini?" (seluar/baju – barang dengan satu warna) (c) " Ini dipanggil apa?" (tapak kasut) (d) " Ini dipanggil apa?" (kolar baju, atau kepala tali pinggang) (e) " Ini dipanggil apa?" (jari telunjuk/ibu jari)	
E-4 Penulisan	
"Sila tuliskan satu ayat pilihan anda. Ayat itu mestilah mengandungi kata nama, kata kerja yang betul dan munasabah"	
PEMARAKAHAN:	
<ul style="list-style-type: none"> • 1 markah kalau ayat itu masuk akal, perkataan dieja dengan betul dan dengan struktur dan tatabahasa yang betul • $\frac{1}{2}$ markah kalau ayat itu tidak lengkap tetapi masuk akal (iaitu satu frasa), atau terdapat 2 atau kurang kesilapan dari segi ejaan, struktur ayat ataupun tatabahasa • Tiada markah kalau ayat itu tidak lengkap, tidak masuk akal, dan mengandungi lebih daripada 2 kesilapan dari segi ejaan, tatabahasa atau struktur. • Markah penuh adalah 1 	<input type="checkbox"/> Ayat pertama

<p>Kemudian kata:</p> <p>"Saya ingin anda tulis ayat berikut: Penghuni kampung itu mengadakan kenduri dengan menggunakan banyak periuk dan alat-alat masakan lain."</p> <p>Ayat tersebut boleh diulangi dengan sepenuhnya 2 kali tagi.</p> <p>PEMARKAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 1 markah kalau semua perkataan ada, eja dengan betul, dan dengan struktur yang betul • $\frac{1}{2}$ markah kalau terdapat 2 atau kurang perkataan tidak betul, tertinggal, salah eja atau salah struktur • Tiada markah kalau terdapat lebih daripada 2 kesilapan dari segi ejaan, struktur dan tatabahasa. • Markah penuh adalah 1 	<input type="checkbox"/> Ayat kedua <u>_</u> /2
<p>E-5 Pembacaan</p> <p>"Sila baca ayat di bawah, dan buat apa yang ia kata."</p> <p>SENTUH HIDUNG ANDA DENGAN IBU JARI ANDA.</p> <p>Katau subjek tidak dapat sentuh hidung dengan ibu jarinya, tulis "TUTUP MATA ANDA." di atas sehelai kertas dan ulang.</p> <p>"Sila baca ayat di bawah, dan buat apa yang ia kata," EJA NAMA ANDA.</p>	<input type="checkbox"/> Sentuh hidung <input type="checkbox"/> Eja nama <u>_</u> /2
<p>E-6 Berdasarkan TEMU BUALINI SAHAJA, pemeriksa perlu membuat keputusan sama ada subjek terdapat kesukaran yang ketara dari segi struktur ayat dan menggunakan tatabahasa dengan betul</p> <p>PEMARKAHAN:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 2 markah: Pertuturan yang lancar dengan struktur ayat dan tatabahasa yang betul. • 1 markah: Terdapat kesukaran sederhana dengan mencari perkataan. Adakala terdapat kesilapan dari segi tatabahasa seperti kata bilangan atau penggunaan kata yang tidak tepat. • 0 markah: Terdapat masalah yang ketara dari segi penggunaan perkataan, kerap terdapat kesilapan dari segi tatabahasa seperti kata bilangan atau penggunaan kata yang tidak tepat. • 	<u>_</u> /2
JUMLAH MARKAH BAHASA:	<u>_</u> /20
JUMLAH MARKAH NUCOG KESELURUHAN:	<u>_</u> /100

NUCOG

KERTAS PENYELESAIAN SUBJEK





Nama:

Tarikh lahir:


Jantina: L / P

Tarikh ujian:

B-1 Penghasilan semula lukisan



B-4 Pengabaian



C-2 Ingatan Spatial

E-4 Penulisan

Ayat pertama:

Ayat kedua:

E-5 Pembacaan

**SEN TUH HIDUNG ANDA
DEN GAN IBU JARI ANDA**

EJA NAMA ANDA

NUCOG

COGNITIVE PROFILE


Name _____

Date of birth _____ Sex _____

Unit _____

Date of assessment _____

Score



- Normal group
- - - 1 SD below the normal group; requires more in-depth assessment
- 2 SD below the normal group; indicates a problem in the specific domain or overall cognitive functioning

NUCOG Score:

ISBN 978-0-86431-865-7



9 780864 318657